



SULIT

PP



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2025

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1
Ogos 2025

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU
KERTAS 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

BAHAGIAN A : KARANGAN RESPONS TERTUTUP / TERHAD

BAHAGIAN A

[30 markah]

1. Contoh format penulisan komen :

- T Menepati tugas *Tugas*
- I Relevan, huraian jelas
- B Gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P Menarik dan berkesan

I - Isi
Ba - Bagaimana
M - Mengapa
K - Kesan
U - ungkapan teknik
P - Penegasan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan pencemaran plastik.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang pencemaran plastik di negara kita.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

1. Kehendak / tugas soal:

Calon perlu menulis karangan tentang **usaha-usaha membendung pencemaran plastik**.

Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:

- Bahan 1 - Petikan akhbar tentang pencemaran plastik
- Bahan 2 - Usaha - Kempen Hindari Penggunaan Plastik
- Bahan 3 - Usaha - Tindakan undang-undang

- i. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- ii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain tentang **usaha-usaha membendung pencemaran plastik** – diterima dan diperiksa seperti biasa
- iii. Jika calon **tidak menyentuh semua bahan** – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- iv. Calon yang menulis **melebihi 210** patah perkataan atau **hingga** ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- v. Sekiranya calon menulis **kurang daripada 140** patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- vi. Format : **Tiada**

BAHAGIAN B

[70 markah]

1. Contoh format penulisan komen :

- T - menjawab tugas
- I - relevan, huraian jelas
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
- P - menarik dan berkesan

Soalan 1

Huraikan faktor yang terdapat dalam petikan berserta faktor-faktor lain berlakunya isu tersebut.

Kehendak / tugas soalannya:

Calon diminta menghuraikan faktor permainan tradisional semakin dipinggirkan yang terdapat dalam petikan dan faktor-faktor lain.

- Generasi muda mula beralih arah bermain permainan secara dalam talian (dalam stimulus)
- Tiada pendedahan tentang permainan tradisional
- Menganggap permainan tradisional ketinggalan zaman
- Kekurangan peralatan permainan tradisional
- Idea lain yang sesuai boleh diterima.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan idea daripada petikan sahaja – **maksimum peringkat KEPUJIAN**
2. Calon menghuraikan idea selain petikan (tidak mengambil idea stimulus) – **maksimum peringkat KEPUJIAN**

Soalan 2

Huraikan peranan-peranan tersebut.

Kehendak / tugas soalannya:

Calon perlu mengemukakan peranan semua pihak dalam usaha membendung kemalangan jalan raya.

- Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang terhadap pesalah jalan raya
- Pihak sekolah memperkasakan subjek Pendidikan Keselamatan Jalan Raya
- Media massa/media sosial menjadi platform utama dalam menyebarkan maklumat tentang langkah keselamatan di jalan raya
- Pihak kerajaan boleh menganjurkan kempen kesedaran secara berterusan.
- Idea lain yang sesuai boleh diterima.

Kemungkinan jawapan :

- Tiada

Soalan 3

Selain kesan yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan kesan-kesan masalah tersebut.

Kehendak / tugas soalannya:

Calon perlu menghuraikan kesan negatif ketagihan melayari rangkaian media sosial. (idea sendiri)

- Memberikan kesan terhadap kesihatan
- Tumpuan dalam pembelajaran/kerja akan terganggu/ hilang fokus dalam pelajaran/pekerjaan
- Kemahiran komunikasi / sosial terganggu
- Idea lain yang sesuai diterima

Kemungkinan jawapan:

1. Calon mengemukakan idea yang terdapat dalam petikan dan di luar petikan – **maksimum peringkat KEPUJIAN**
2. Calon mengemukakan idea yang terdapat dalam petikan sahaja – **maksimum peringkat BAIK**

Soalan 4

Berdasarkan petikan di atas, huraikan manfaat-manfaat amalan tersebut.

Kehendak / tugas soal:

Calon dikehendaki menghuraikan manfaat-manfaat amalan kejiwaan berdasarkan petikan.

- Menjamin keselamatan komuniti setempat
- Memupuk semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat
- Memberikan peluang jiran mengenali budaya kaum lain.
- Idea lain yang sesuai diterima

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan ditambah idea lain- **semak seperti biasa**
2. Calon mengemukakan sebahagian idea dalam petikan – **maksimum peringkat KEPUJIAN**
3. Calon mengemukakan idea selain petikan – **maksimum peringkat BAIK**

- Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan B) – **maksimum peringkat - TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- Bahagian B
 - Bilangan perkataan 511 dan ke atas – **maksimum peringkat KEPUJIAN**
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – **maksimum peringkat BAIK**

NOTA

1. Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

- i. Puisi
- ii. Alamat
- iii. Tarikh
- iv. Nama Khas
- v. Peribahasa
- vi. Maksud Hadis / al-Quran / Kata-kata Tokoh
- vii. Penanda wacana
- viii. Tajuk (rencana/surat)
- ix. Kata Sendi 'di' dan 'ke'
- x. Angka

**RINGKASAN PEMARKAHAN BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN B
BAHASA MELAYU 1103/1**

PERINGKAT			BAHAGIAN A	BAHAGIAN B
CEMERLANG	28 -30	68 -70	T – Menepati tugasan I – Relevan, huraian jelas dan matang. B – Gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat. P- Menarik dan berkesan.	T – Menjawab tugasan I – Relevan, huraian jelas dan matang, contoh yang sesuai B – Gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata luas dan tepat P – Sangat menarik dan berkesan.
	26 -27	64 -67		
KEPUJIAN	23 -25	59 -63	T – Menepati tugasan I – Relevan, huraian jelas B – Gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata luas dan tepat. P - menarik	T – Menjawab tugasan I – Relevan, huraian jelas dan contoh sesuai. B – Ayat gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata luas dan tepat P – Menarik dan berkesan.
	20 -22	55 -58		
BAIK		50 - 54		T – Masih menjawab tugasan I – Masih relevan, huraian masih jelas, contoh sesuai. B – Gramatis dari segi kata dan ayat tetapi ada kesalahan yang minimum, kosa kata umum P – Masih menarik.
		45 -49		
MEMUASKAN	17 -19	40 -44	T – Menepati tugasan I – masih relevan, Huraian masih jelas B – masih gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata terhad. P – masih menarik	T – Masih menjawab tugasan I – Masih relevan, huraian <u>kurang</u> jelas, contoh kurang sesuai. B – Kurang gramatis, kosa kata umum dan terhad. P – kurang menarik
	15 -16	35 - 39		
PENGUASAAN MINIMUM	12 -14	28 -34	T – Kurang menepati tugasan I – Kurang relevan, huraian kurang jelas B – Kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata terhad. Kesalahan ejaan yang ketara. P – Kurang menarik	T – Masih menjawab tugasan I – Masih relevan, huraian kurang jelas, contoh kurang sesuai. B – Kurang gramatis, kosa kata umum dan terhad. P – kurang menarik
	10 -11	21 - 27		
TIDAK MENCAPAI TATARAF PENGUASAAN MINIMUM	6 - 9	11 - 20	Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis	Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. Idea bercampur aduk, huraian tidak jelas dan Contoh yang tidak sesuai.
	1 - 5	1 - 10		

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT